

“Wawasan 2020 adalah wawasan rakyat”

# PENGGANTI AKAN JAYAKAN -DR. M

# TERUS

SEP 2 2017  
KUALA LUMPUR 2 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin sesiapa sahaja pemimpin yang menggantikannya akan meneruskan usaha kerajaan bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menegaskan, Wawasan 2020, bukanlah wawasan beliau semata-mata, sebaliknya ia adalah wawasan rakyat.

Bercakap dalam rancangan ‘Bersama Perdana Menteri’ menerusi RTM yang disiarkan malam ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa beliau tidak nampak ada masalah terhadap kesinambungan kepimpinan negara untuk menjayakan matlamat tersebut.

#### □ LAGI BERITA DI MUKA 17

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak fikir bahawa sesiapa yang mengambil alih teraju kepimpinan akan menukar matlamat tersebut daripada 2020 kepada tahun 3000 atau daripada hendak menjadi negara maju kepada negara mundur.

“Ini satu perkara yang mustahil. Saya yakin semua yang ada dalam kabinet sekarang ini mempunyai matlamat yang sama, sebab itu saya tidak khuatir,” katanya semasa menjawab pertanyaan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Encik Zainuddin Maidin, salah seorang ahli panel dalam wawancara itu.

Dua lagi ahli panel ialah Fellow Kanan dan Ketua Pengarang ISIS, Encik Rustam Sani dan Dr. Ishak Shaari dari Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Perdana Menteri seterusnya berkata, semua anggota kabinet bersetuju dan faham tentang cara-cara bagi menjayakan Wawasan 2020.

Menurut beliau, setiap pemimpin tentu ada stail tersendiri, misalnya, stail Allahyarham Tun Abdul Razak tidak sama dengan stail Allahyarham Tun Hussein Onn dan stail Alla-

## PENGGANTI TERUS JAYAKAN

Allahyarham Tun Hussein Onn dan stail Allahyarham Tun Hussein pula tidak sama dengan stail beliau.

"Ini perkara stail, tetapi tentang matlamat (Wawasan 2020) tidak ada masalah, dan jentera untuk mencapai matlamat ini telahpun disusun," ujanya.

Oleh itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, beliau yakin sesiapa yang akan menggantikannya akan berpegang kepada matlamat Wawasan 2020 dan jentera bagi mencapai matlamat itu akan diteruskan.

Kepada satu soalan apakah Wawasan 2020 adalah 'Wawasan Mahathir' dan bukan wawasan bangsa Malaysia, beliau berkata, terserahlah bagaimana orang hendak membuat tafsiran.

Menurut beliau, semua rakyat Malaysia inginkan kepada kemajuan tetapi kalau seseorang yang tidak ada tempat dan kedudukan, mungkin pandangan atau wawasannya tidak mendapat perhatian.

"Saya cuma menyuarakan pendapat saya, pandangan umum. Saya yakin semua rakyat Malaysia yang ingin kemajuan, ingin menjadi negara yang maju.

Tetapi kalau pihak yang memimpikan kerajaan tidak menyuarakan hasrat rakyat ini, maka ia tidak menjadi sesuatu yang menarik

tumpuan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan negara," katanya.

Oleh itu dalam Wawasan 2020, menurut Perdana Menteri, beliau menyatakan apa yang beliau yakin terdapat di dalam fikiran semua rakyat dan bukan dirinya sendiri.

Dalam wawancara 'hampir sejam itu, Dato' Sri Dr. Mahathir juga memberitahu, salah satu sebab Wawasan 2020 dicetuskan pada tahun 1991 adalah kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berakhir dan negara kini melangkah kepada dasar baru iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk jangka masa 10 tahun.

Menurut beliau, kalau dibandingkan, 10 tahun adalah hanya separuh sahaja daripada 20 tahun tempoh DEB, jadi negara perlu mempunyai matlamat yang lebih jauh.

"Dalam masa 10 tahun kita mungkin mencapai kemajuan tetapi kita perlu menentukan apakah matlamat kita dalam jangka masa lebih panjang dan kita telah menentukan bahawa ia adalah dalam jangka masa 30 tahun dari sekarang.

"Jadi sebabnya dipilih tahun ini ialah kerana kita baru tamat satu rancangan sosio ekonomi dan kita perlu memulakan satu rancangan yang baru," jelas beliau.